

Putting kosong undang bahaya pada bayi

PEMBERIAN puting kosong kepada bayi yang sedang menangis dilihat jalan penyelesaian ibu bapa untuk menenangkan dan memudahkan bayi tidur.

Walaupun penggunaannya bertujuan menenangkan anak, hakikatnya dalam tempoh jangka panjang dan penggunaan secara berterusan akan membawa keburukan kepada bayi tersebut.

Menurut Pensyarah dan Pakar Pediatrik, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), Dr. Adibah Abdul Ghafar, puting kosong bermaksud satu objek yang mempunyai beberapa bahagian iaitu puting, pelindung mulut (*mouth shield*) dan pemegang, malah merupakan objek

anak sihat

tradisional yang digunakan untuk menenangkan bayi.

Katanya, amalan menghisap puting kosong perlu dielakkan sejak awal bagi menghindari masalah, terutama pada mulut dan gigi kerana bahagian dalaman mulut bayi amat kompleks yang merupakan kombinasi antara tisu lembut dan keras.

"Tidak dinasikan dengan memberi puting kosong, anak akan berhenti menangis sebagai reaksi semula jadi ketika diberikan susu botol. Bayi juga akan merasa lebih selamat, terlindung serta selesa."

"Bagaimanapun, ibu bapa dinasihatkan tidak

menjadikannya satu kebiasaan kerana akan memberi kesan kepada gigi kerana bentuk mulut si kecil amat mudah berubah atau dilentur," ujarnya ketika ditemui *Mega Rona* di pejabatnya, baru-baru ini.

Mengulas lebih lanjut mengenai hal tersebut, Dr. Adibah memberitahu, penggunaan terlalu kerap (lebih daripada lima jam setiap hari) serta jangka masa lama dan berpanjangan (lebih dari empat bulan) boleh membawa kepada beberapa kemungkinan seperti jangkitan kuman yang berulang kepada salur pendengaran (telinga), mudah mendapat jangkitan kulat dalam mulut (*oral thrush*) dan pertumbuhan gigi yang tidak sekata (*jongang*).

Tuturnya, kajian menunjukkan untuk setiap pertambahan tahun penggunaan puting kosong (selepas usia setahun), risiko untuk memperoleh gigi jongang adalah sebanyak 2.3 kali ganda berbanding mereka yang tidak menggunakanannya.

Malah, sekiranya puting kosong diperkenal terlalu awal kepada bayi, boleh membawa kepada pengurangan susu ibu kerana pada peringkat awal kelahiran, kuantiti susu yang

dikeluarkan mengikut kehendak bayi. Ini bermakna semakin kerap bayi menyusu, maka semakin banyak susu ibu.

Leraikan anak seawal mungkin kerana lebih awal dilerai lebih mudah prosesnya dan sebaiknya sebelum anak berusia 12 bulan di mana mereka masih mudah dipujuk."

dikeluarkan mengikut kehendak bayi. Ini bermakna semakin kerap bayi menyusu, maka semakin banyak susu ibu.

Penggunaan puting kosong antara sesi penyusuan, boleh mengakibatkan pengeluaran susu ibu berkurangan kerana bayi tidak lagi diberikan susu badan tetapi menggunakan puting kosong untuk menjarakkan antara dua sesi penyusuan.

Beritahu, Dr. Adibah, hal ini akan mengakibatkan risiko pemberhentian penyusuan susu ibu sebanyak tiga kali ganda.

Sambungnya, penggunaan puting kosong selepas umur setahun, boleh menyebabkan anak-anak kurang berceloteh dalam bahasa mereka sendiri (*jabbering*) yang merupakan perkembangan pertuturan anak.

Jangan menggunakan puting kosong yang disambung kepada satu tali yang panjang dan disangkutkan pada leher. Ini untuk mengelakkan kemalangan yang tidak berbau. Sila gunakan klip yang boleh disemat pada baju sekiranya perlu.

Elakkan penggunaan puting kosong selepas umur 12 bulan kerana penggunaan selepas umur ini boleh menggalakkan berlaku masalah-masalah yang disenarai seperti jangkitan salur pendengaran, lambat beratur dan pembentukan gigi yang tidak sekata.

Penggunaan puting kosong berbentuk ortodontik adalah disarankan kerana bentuk ini lebih sesuai untuk bahagian oral kanak-kanak yang menyerupai puting payudara sebenar supaya lebih mudah diadaptasi terhadap rangka pertumbuhan gigi kekal.



Jangan guna puting kosong yang telah koyak kerana kemungkinan ada serpihan yang boleh tertanggal dan bayi mungkin tertelan serpihan kecil tersebut.



DR. ADIBAH GHAFAR

